

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/30 - 47

GARIS PANDUAN OPERASI BIL. 4 TAHUN 2019: PROSEDUR PENGEMUKAAN BORANG NYATA TERPINDA

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa **Garis Panduan Operasi Bil. 4 Tahun 2019** berkaitan dengan **Prosedur Pengemukaan Borang Nyata Terpinda (BNT)** telah dimuat naik pada Portal Rasmi LHDNM sebagai rujukan dan panduan kepada pembayar cukai. Dokumen tersebut boleh diakses dan dimuat turun dengan mengikuti langkah mudah seperti berikut:

- i. Layari laman portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my
- ii. Klik menu **Perundangan** > submenu **Garis Panduan Operasi**

Atau capaian pantas di pautan:

http://lampiran2.hasil.gov.my/pdf/pdfam/GPO_4_2019_dwi.pdf

(Garis Panduan dalam dwibahasa: Bahasa Melayu-Bahasa Inggeris)

Garis panduan baharu ini membatalkan Garis Panduan Operasi Bil. 3 Tahun 2019 yang telah dikeluarkan pada 22 April 2019.

Sebagai makluman, seksyen 77B Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP 1967) dan seksyen 30B Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 (APCP 1967) telah diperkenalkan untuk membenarkan pembayar cukai membuat pindaan sendiri ke atas maklumat atau taksiran dalam Borang Nyata (BN)/Borang Nyata Petroleum (BNP) yang telah dikemukakan dengan menggunakan Borang Nyata Terpinda (BNT).

Pembayar cukai dibenarkan untuk membuat pindaan sendiri dengan melaporkan maklumat tambahan dan meminda taksiran dalam BN/BNP berhubung dengan:

- i. Pendapatan berkurang / tidak lapor;
- ii. Perbelanjaan / tuntutan lain yang terlebih tuntut; atau
- iii. Elaun modal / insentif / pelepasan yang terlebih tuntut.

Namun demikian, pindaan melalui BNT ini tidak dibenarkan sekiranya Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri telah membuat taksiran pindaan di bawah peruntukan:

- i. Seksyen 91 ACP 1967 dalam tempoh enam bulan selepas tarikh yang ditetapkan dalam ACP 1967 bagi pengemukaan BN; atau
- ii. Seksyen 39 APCP 1967.

LHDNM ingin mengingatkan pembayar cukai bahawa pindaan melalui BNT ini hanya boleh dilakukan sekali sahaja bagi sesuatu tahun taksiran.

Pengemukakan BNT yang lengkap boleh dibuat melalui:-

- i) e-Filing (bagi pembayar cukai syarikat sahaja)
- ii) BNT yang dimuat turun dan dicetak dari portal rasmi LHDNM www.hasil.gov.my. BNT hendaklah dikemukakan ke cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai pendapatan masing-masing.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 30 September 2019



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube